



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.01/39.1/180/1

Tarikh : 3 Julai 2014

Ketua Pengarang,
China Press
80 Jalan Riong
Off Jalan Bangsar
59100 Kuala Lumpur

Tuan,

ADUAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin merujuk kepada keratan akhbar China Press bertarikh 28 Jun 2014 mengenai "LHDNM Menuntut Cukai Lama" oleh pengadu Puan Wu Xiu Mei dari Temiang, Negeri Sembilan.

2. Terlebih dahulu pihak kami mengucapkan terima kasih kepada pengadu atas maklum balas berhubung perkara ini. Pihak kami turut berasa kesal atas kesulitan yang dialami oleh beliau semasa berurusan dengan pegawai kami.
3. Berhubung isu tunggakan cukai yang dibangkitkan, Puan Wu Xiu Mei adalah dinasihatkan untuk menghubungi kami agar pertimbangan sewajarnya dapat diambil dalam kes beliau. Perbincangan lanjut berkenaan kaedah pembayaran bagi baki cukai berjumlah RM 4,640.00 secara ansuran bergantung kepada aliran tunai boleh dipertimbangkan dan ini membantu meringankan beban semasa beliau. Beliau boleh menghubungi kami melalui Borang Maklumbalas Pelanggan di laman web www.hasil.gov.my , atau menelefon talian bebas tol **1-800-88-5436 (LHDN)** atau hadir ke cawangan fail beliau diselia untuk membantu beliau dalam permasalahan ini.
4. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada China Press atas peluang ini dalam memberi maklumbalas berkenaan aduan di atas.

Sekian,terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(NOR AZIRAH MOHD SAID)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat,

Jabatan Khidmat Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia